



Justifikasi Keperluan Tatacara Geledah Terhadap Suspek Kanak-Kanak Menurut Hukum *Fiqh* Islam

Undang-Undang Jenayah Islam

Justification of Search Procedures for Child Suspects According to Islamic Jurisprudence

31

WAFAA' YUSOF
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
wafaa@ukm.edu.my

Submitted: 22 Januari 2020
Revised: 29 September 2020
Accepted: 30 October 2020
E-Published: 31 October 2020

ABSTRAK

Kanak-kanak merupakan antara golongan yang menyumbang kepada peningkatan data statistik jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Data ini membuktikan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang jenayah syariah telah melalui proses tatacara keadilan jenayah termasuk tatacara geledah. Namun, bidangkuasa perundangan jenayah syariah negeri-negeri tidak memperuntukkan undang-undang berkaitan tatacara geledah terhadap suspek kanak-kanak secara khusus. Amalan yang menguatkuasakan tatacara geledah suspek dewasa ke atas suspek kanak-kanak boleh menimbulkan isu pelanggaran hak kanak-kanak yang serius dan ketidakadilan kepada mereka. Sementara dalam hukum *fiqh*, tidak ada dalil yang jelas membenarkan pelaksanaan tatacara ini atau melarangnya. Peraturan dan prinsip proses keadilan jenayah termasuk tatacara geledah yang dinyatakan di dalam sumber asas hukum Islam, al-Quran dan Sunnah, membuka ruangan kepada perbahasan para fuqaha. Pelbagai pentafsiran telah dibuat oleh para fuqaha bersandarkan dalil-dalil ini. Namun jelasnya, Islam menjaga hak privasi setiap individu. Penguatkuasaan tatacara ini sekali lagi dipertikaikan dan dipersoalkan apabila melibatkan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Oleh itu, artikel ini mengemukakan dan mencerakinkan perbahasan para fuqaha berkaitan tatacara penggeledahan secara umum. Pendekatan hukum *fiqh* Islam berkaitan tatacara geledah terhadap suspek kanak-kanak dianalisis untuk menentu sahkan serta menjustifikasikan keperluan tatacara geledah yang khusus terhadap suspek kanak-kanak. Pendekatan metod kualitatif melalui analisis kandungan kitab-kitab turath dan jurnal merumuskan penguatkuasaan tatacara geledah hendaklah selaras dengan maqāsid syariah dan prinsip kejelasan (*rule of manifestnest*) yang disarankan oleh al-Ghazālī wajar menjadi landasan kepada justifikasi pelaksanaan tatacara geledah terhadap kanak-kanak. Analisis menunjukkan penguatkuasaan tatacara geledah terhadap kanak-kanak ini tidak bertentangan dengan peraturan dan prinsip undang-undang jenayah Islam.

Kata kunci: Tatacara Geledah, Kanak-Kanak, *Fiqh* Jenayah





ABSTRACT

Children are among those who contribute to the increase in the syariah crime statistical data of the states in Malaysia. This data proves that children who are in conflict with sharia criminal laws have gone through a process of criminal justice procedures including search procedures. However, the jurisdiction of the sharia criminal laws of the states does not provide for laws relating to the search procedure of child suspects specifically. The practice of enforcing the search procedure of adult suspects on child suspects can raise the issue of serious violations of children's rights and injustice to them. While in the Islamic jurisprudence, there is no clear evidence to justify the implementation of this procedure or prohibit it. The rules and principles of the criminal justice process, including the search procedures stated in the basic sources of Islamic jurisprudence, the Qur'an and Sunnah, open the door to the debate of the jurists. Various interpretations have been made by the jurists based on these propositions. Islam obviously protects the privacy rights of individual. The enforcement of this procedure is once again disputed and questioned when involving children in conflict with the law. Therefore, the article presents and analyzes the debates of the jurists regarding the search procedure in general. Islamic jurisprudence legal approaches related to search procedures against child suspects are analyzed to determine and justify the need for search procedures specific to child suspects. The qualitative method approach through the analysis of the contents of the turath books and journals concludes that the enforcement of the search procedure should be in line with the *maqāsid shari'yyah* and the rule of manifestnest suggested by al-Ghazālī should be the basis for justifying the implementation of search procedure on children. Analysis shows that the enforcement of search procedures on these children is not contrary to the rules and principles of Islamic criminal law.

Keywords: Search Procedure, Children, Islamic Criminal Jurisprudence

PENGENALAN

Kewujudan data statistik penglibatan kanak-kanak dalam jenayah syariah menunjukkan kanak-kanak ini telah menempuhi beberapa peringkat tatacara pra perbicaraan. Analisis data dalam kajian 2017 (Wafaa' binti Yusof, 2017) yang diperolehi dari Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula dari tahun 2009 hingga 2013 contohnya, menunjukkan penglibatan 261 orang pelaku di bawah umur 18 tahun dalam pelbagai kategori jenayah syariah (JAWI, 2014). Data ini tidak mungkin diperolehi jika tiada tangkapan, geledahan, penahanan atau penyiasatan dibuat terlebih dahulu ke atas kanak-kanak terbabit. Ironiknya, tiada undang-undang yang jelas dan khusus diperuntukkan berkaitan tatacara terhadap suspek kanak-kanak di bawah bidangkuasa jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Ketiadaan peruntukan yang memperihalkan tatacara pra perbicaraan terhadap kanak-kanak ini kelihatan tidak mendatangkan masalah kepada pihak penguatkuasa agama mahupun hakim syarie. Mereka menggunakan peruntukan-peruntukan dalam enakmen dan akta tatacara jenayah syariah yang



diaplikasikan untuk pesalah dewasa.¹ Walau bagaimanapun, amalan ini boleh menimbulkan isu pelanggaran hak kanak-kanak yang serius dan ketidakadilan kepada mereka. Ketidadaan mekanisme yang jelas dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan tatacara geledah terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang jenayah syariah secara khusus perlu diberi perhatian. Oleh itu, pendekatan hukum *fiqh* Islam berkaitan tatacara geledah terhadap suspek kanak-kanak dianalisis untuk menentu sahkan serta menjustifikasikan keperluan tatacara geledah yang khusus terhadap suspek kanak-kanak.

TATACARA GELEDAH MENURUT *FIQH* ISLAM

Islam secara asas tidak mengharuskan pelaksanaan tatacara geledah disebabkan tatacara ini melibatkan pendedahan rahsia seseorang, pencabulan hak kebebasannya yang serius dan menyentuh kehormatan diri seseorang yang telah diberi jaminan oleh Islam dan mana-mana sistem perundangan di dunia ini. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

...Dan janganlah kamu mencerooboh kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang mencerooboh.

(Al-Baqarah, 2:190)

Riwayat Abu Hurayrah menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa "Seluruh tubuh badan seorang Muslim, darah, harta dan kehormatan adalah haram atas Muslim lain mencabulinya (menceroobohnya)" (al-Qushayrī, 2001).

Tatacara ini walau bagaimanapun, harus dilaksanakan jika seseorang itu dalam keadaan yang meragukan dan diperkukuhkan lagi dengan suatu tuduhan bersama bukti-bukti dan *qarīnah* yang mencukupi. Dengan kata lain, larangan terhadap penggeledahan itu ada pengecualiannya apabila melibatkan keadaan-keadaan tertentu. Kebanyakan bidang kuasa jenayah telah menetapkan kaedah, kawalan dan undang-undang yang tertentu untuk mengawal penguatkuasaan tatacara in sebagai langkah meminimumkan pencabulan hak ini daripada berlaku dan pada masa yang sama menjamin keadilan semua pihak. Contohnya, tatacara ini tidak dikuatkuasakan ke atas semua kategori jenayah. Kebiasaannya penguatkuasaan dan pelaksanaan tatacara ini hanya melibatkan jenayah tertentu sahaja dan tatacara ini tidak diharuskan melainkan dengan tujuan untuk memperoleh bukti-bukti jenayah. Malahan penggeledahan hendaklah dilaksanakan oleh pihak yang berbidang kuasa untuk menyiasat kes-kes jenayah dan pastinya pelaksanaannya berbeza-beza antara bidang kuasa jenayah bergantung pada perubahan zaman, tempat dan juga kategori jenayah yang terlibat.

¹ Beberapa peruntukan berkaitan tatacara geledah diperuntukkan di bawah Akta atau Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Contohnya, Bab 4 dari Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, bermula dari seksyen 42 hingga 53 berkaitan penggeledahan premis dan seksyen 63 berkaitan penggeledahan diri. Peruntukan-peruntukan ini dikuatkuasakan dalam kes geledah suspek dewasa.



Ahmad bin ^cAbd al-Karim merumuskan dalam kajian beliau bahawa para fuqaha membahagikan perkara berkaitan jenayah kepada dua iaitu apa yang terletak di bawah *siyāsah shar‘iyyah* dan apa yang terletak di bawah perundangan. Tatacara siasatan dan pertuduhan jenayah terletak di bawah *siyāsah shar‘iyyah* sementara pelaksanaan hukuman setelah sabit kesalahan jenayah adalah di bawah perundangan (al-^cUthmān, 2014). Ketetapan kategori jenayah, cara sabitan dan hukuman jenayah ditentukan oleh undang-undang. Sementara sebarang bentuk tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang tersebut ditentukan oleh *siyāsah shar‘iyyah* termasuklah tatacara geledah.

Oleh yang demikian, undang-undang berkaitan tatacara geledah lazimnya menetapkan beberapa keadaan yang mengharuskan pelaksanaannya. Antara keadaan ini ialah jenayah hendaklah benar-benar berlaku, penggeledahan hendaklah memberi manfaat kepada tatacara siasatan, terdapat tanda-tanda yang kukuh bahawa penggeledahan diperlukan untuk mendedahkan kebenaran, melibatkan kes *flagrante delicto*², wujud penangkapan individu yang digeledah dan penggeledahan hendaklah dilakukan setelah meminta izin daripada empunya badan atau premis. Keadaan yang diharuskan ini tidak bermakna tatacara ini boleh dilaksanakan dengan mudah. Bahkan penggeledahan ini hendaklah dilengkapi dengan tatacara, kawalan dan jaminan tertentu yang menjaga individu tersebut daripada penindasan dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa (Wafaa’ Binti Yusof, 2017).

PANDANGAN ULAMA BERKAITAN TATACARA GELEDAH DALAM KES JENAYAH

Izin daripada individu yang digeledah diri atau premisnya merupakan antara syarat tatacara geledah yang ditegaskan oleh para fuqaha Islam. Persoalannya, bagaimana kedudukannya jika individu terbabit enggan untuk bekerjasama? Adakah pegawai penguatkuasa undang-undang dibenarkan untuk memasuki suatu premis tanpa kebenaran tuannya apabila terdapat bukti atau keterangan yang boleh diterima pakai bahawa satu kesalahan jenayah telah berlaku atau ada bukti disorokkan atau ada individu disembunyikan di dalam premis terbabit? Beberapa pendapat dan pendirian yang berbeza telah dicerakinkan daripada beberapa kitab *fiqh* dan penulisan ulama kontemporari berkaitan isu ini.

Pencerakinan ini walaupun demikian, menunjukkan fokus perbincangan mereka lebih kepada tatacara geledah premis. Sementara tatacara geledah diri individu sama ada seorang dewasa ataupun seorang kanak-kanak tidak dibincangkan secara jelas dan terperinci oleh mereka. Kekangan ini tidak menghalang pembentukan undang-undang dan peraturan berkaitan tatacara geledah diri dalam sistem keadilan jenayah Islam. Sebaliknya ia diserahkan kepada pihak pemerintah Islam untuk membentuk dan melaksanakan tatacara geledah diri berlandaskan kepada *siyāsah shar‘iyyah* dan

² *Flagrante delicto* adalah istilah undang-undang yang digunakan untuk menunjukkan bahawa seorang penjenayah telah ditangkap ketika melakukan suatu kesalahan. Selalunya "tertangkap dalam perbuatan" atau "ditangkap *red-handed*". Law, Jonathan & A. Martin, Elizabeth, *A Dictionary of Law*, Oxford University Press, 2009.



demi kepentingan awam. Setiap pendapat yang berbeza disandarkan kepada pelbagai justifikasi dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh para fuqaha.

Keizinan dan Perlindungan Hak Privasi Domestik

Kebanyakan fuqaha begitu bertegas dalam memastikan keizinan diperoleh terlebih dahulu sebelum penggeledahan dilakukan. Tuntutan keizinan ini bukan hanya dikaitkan keizinan secara sarih tetapi juga dikaitkan dengan perlindungan hak privasi domestik dan diri yang dijamin oleh Islam. Ibn Hanbal contohnya, tegas berpendirian menjaga dan melindungi hak privasi domestik seseorang. Beliau melarang pengikutnya untuk cuba memasuki dan menggeledah premis seseorang tanpa izin kerana seseorang tidak boleh menggeledah apa yang berselindung di sebalik sebuah rumah. Pihak penguatkuasa undang-undang tidak perlu dilibatkan selagi perlakuan jenayah dilakukan dalam lingkungan premis mereka. Perkara ini jelas dalam perbincangan dan penghujahan beliau berkaitan isu perkaitan antara privasi domestik dan penghunian sah yang secara tidak langsung boleh dikaitkan dengan isu penguatkuasaan tatacara penggeledahan dalam kes-kes jenayah syariah.

Ibn Hanbal telah sandarkan penghujahan beliau kepada beberapa riwayat dan amalan para sahabat. Contohnya, Abu Bakr al-Khallal al-Baghdadi dalam penulisannya menyatakan bahawa Ibn Hanbal telah mengambil pendekatan yang sama dengan tindakan ‘Uqbah b. Amir, Gabenor Mesir. ‘Uqbah b. ‘Amir dikatakan telah melarang pembantunya untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa mengenai beberapa orang jiran yang terus meminum arak di tempat tinggal mereka walaupun telah diberi amaran berulang kali (al-Khallāl, 1974). ‘Utbah juga didakwa bersikap acuh tidak acuh kepada pencabulan undang-undang. Beliau enggan melibatkan pihak berkuasa selagi kesalahan jenayah itu terhad dalam premis persendirian walaupun jiran tetangga menyedari perkara itu (Ibn Hanbal, t.th).

Sedemikian juga pendekatan tindakan Ibn Hanbal membenarkan seorang lelaki untuk membutakan mata dalam kes perlakuan tidak bermoral hambanya di premisnya walaupun dia menerima tekanan daripada para sahabatnya untuk melaporkan perkara itu kepada pemerintah (al-Khallāl, 1974). Ibn Hanbal juga pernah mengarahkan pengikutnya untuk tidak cuba mencari sebuah rumah sedangkan bunyi muzik yang terlarang telah muncul dan boleh didengar di jalan kerana seseorang tidak boleh menggeledah apa yang dilindungi oleh sesebuah rumah (Ibn Hanbal, 1981). Ulama awal Mazhab Hanbali jelas menawarkan perlindungan kepada perbuatan salah laku yang berlaku walaupun ia telah menjalar keluar ke pengetahuan awam dari rumahnya. Mereka menganggap perbuatan salah laku yang berlaku di dalam premis seseorang wajar mendapat perlindungan. Dengan kata lain, imuniti hanya diberi jika salah laku tersebut telah dilakukan dalam kediaman yang didiami secara sah.

Berbeza dengan ulama terkemuka Hanafi yang menegaskan tindakan memasuki premis seseorang tanpa izin dibenarkan dalam situasi di atas. Hanafi membenarkan penguatkuasa undang-undang untuk memasuki premis tanpa keizinan penghuninya jika pihak tersebut dapat mengesan sesuatu kesalahan jenayah dari premis tersebut



(al-Mawṣilī, 1966). Pegangan Hanafi ini menepati undang-undang dan amalan tatacara penggeledahan yang dikuatkuasakan di kebanyakan bidang kuasa jenayah termasuk bidang kuasa jenayah di Malaysia.

Pendekatan yang dikemukakan oleh al-Shafi'i dan Mazhab Maliki pula kurang jelas berkaitan isu ini. Menurut kedua mazhab ini selagi sesuatu perbuatan salah itu kekal di dalam suatu domisil atau tempat tinggal tanpa mengira kehadiran saksi bersama di dalamnya, ia adalah sebahagian daripada premis terbabit dan oleh itu dilindungi. Al-Shafi'i pernah mengarahkan seorang tetamu yang telah dijemput ke suatu majlis perkahwinan supaya meninggalkan majlis tersebut apabila dia menyaksikan suatu perbuatan salah di sana yang tidak mampu untuk dia menghalangnya (al-Shāfi'ī, 1993). Beliau tidak menasihatkan tetamu itu untuk memanggil pihak berkuasa untuk menghentikan perbuatan salah tersebut. Hakikatnya menurut beliau, sesebuah premis yang diduduki secara sah di sisi undang-undang sentiasa dilindungi daripada pencerobohan yang tidak wajar (al-Shāfi'ī, 1993). Mazhab Maliki menyatakan bahawa tetamu yang menyedari tentang perlakuan jenayah yang berlaku tidak perlu melaporkannya kepada pihak berkuasa tetapi hanya sekadar beredar menjauhi majlis tersebut (al-Bājī, 1999).

Sementara al-Ghazali menganggap tindakan si pelaku menutup pintu premisnya merupakan satu usaha untuk membatasi salah laku yang berlaku dalam lingkungan premis itu dan pada masa yang sama memberi isyarat kepada orang lain bahawa si pelaku berhasrat untuk berada di luar jangkauan orang lain. Apa jua perlindungan dan jaminan yang diberi oleh undang-undang tidak akan terpakai kepada si pelaku jika sebaliknya berlaku (al-Ghazali, 1997). Penghunian yang sah dalam situasi ini tidak mencukupi untuk melindungi hak privasi seseorang menurut undang-undang. Al-Mawardi dan al-Shirāzī sependapat dengan al-Ghazali dalam perkara ini (al-Mawardi, 1999; al-Shirāzī, 1996).

Al-Ghazali juga tidak membenarkan penggeledahan diri seseorang hanya kerana dia disyaki membawa barang yang dilarang di dalam pakaiannya. Beliau menjelaskan seseorang dilarang mencari maklumat, tidak boleh memasang telinga untuk mendengar alunan muzik dari sebuah premis, menghidu untuk mengesan bau arak, menyentuh dan meraba untuk mencari sesuatu pada pakaian seseorang atau bertanyakan jiran tetangga mengenai salah laku seseorang. Penguat kuasa undang-undang walau bagaimanapun, boleh menggeledah diri suspek yang bertembung dengannya dan terdapat bukti-bukti yang jelas menunjukkan perlakuan salahnya (al-Ghazali, 1417H). Contohnya bau arak daripada seseorang mengizinkan penguat kuasa mendekati dan menegurnya. Pengesanan dengan menghidu sesuatu adalah sama dengan melihat suatu perlakuan salah yang dilakukan. Penguat kuasa juga dibenarkan untuk mencelah jika dia mengetahui daripada bentuk barang yang disembunyikan merupakan sesuatu barang terlarang. Pengecualian-pengecualian ini malah membenarkan penguat kuasa untuk memasuki mana-mana premis untuk melaksanakan tugas mereka mencegah kemungkaran. Penguat kuasa dibenarkan untuk memasuki mana-mana premis yang kesalahan atau perlakuan jenayah yang dilakukan di dalam premis tersebut jelas dikesan dari luarnya. Apatah lagi jika saksi-saksi



tampil secara sukarela melaporkan tentang kesalahan jenayah yang berlaku di dalam premis tersebut (al-Ghazali, 1417H).

Pernyataan al-Ghazālī ini menunjukkan tatacara geledah hanya boleh dilakukan jika wujud syak wasangka yang kuat dan munasabah. Sekadar syak, penggeledahan premis atau penggeledahan diri yang dilakukan dianggap bersalahan dengan hukum. Namun penulis berpendapat apa yang dimaksudkan oleh al-Ghazālī ini tidak semestinya sampai ke tahap yakin untuk membolehkan penguat kuasa melaksanakan tatacara geledah terhadap seseorang. Syak wasangka yang munasabah sudah memadai kerana untuk berada pada tahap tersebut hendaklah disokong oleh beberapa faktor. Kehadiran faktor-faktor tersebut menguatkan kewujudan bukti atau keterangan untuk membolehkan tatacara geledah dilaksanakan. Antara faktor-faktor yang kebiasaannya dipertimbangkan untuk menentukan wujudnya syak wasangka yang munasabah termasuklah maklumat yang diperolehi oleh penguat kuasa, keberadaan suspek berhampiran dengan lokasi jenayah yang baru terjadi, reaksi suspek terhadap kehadiran penguat kuasa seperti tindakan melarikan diri, pemerhatian peribadi pegawai penguatkuasa, masa terjadinya jenayah sama ada siang atau malam dan pengetahuan pegawai penguatkuasa mengenai rekod jenayah suspek yang lampau. Sebahagian daripada faktor-faktor ini walau bagaimanapun bertentangan dengan pendapat para fuqaha seperti Hanbalī, al-Shāfi‘ī dan Mālikī yang begitu bertegas dalam isu hak privasi domisil seseorang dan keperluan kepada izin empunya premis.

Reputasi Penglibatan Suspek dalam Jenayah

Sejarah dan rekod jenayah lampau seseorang meletakkan dirinya di senarai paling awal untuk disyaki jika suatu jenayah berlaku. Keadaan ini juga menjustifikasikan tindakan pegawai penguatkuasa undang-undang untuk melakukan siasatan ke atasnya termasuklah penggeledahan diri dan premisnya. Pencerakinan daripada pandangan para fuqaha menunjukkan bahawa reputasi penglibatan seseorang dalam perlakuan jenayah mempermudah urusan penguatkuasa undang-undang. Mālikī contohnya, melarang tindakan penggeledahan kecuai premis tersebut atau penghuninya diketahui pernah terlibat dalam kesalahan jenayah. Mazhab Mālikī membenarkan pemerintah untuk bertindak ke atas seseorang yang memang terkenal dengan status penjenayah berdasarkan maklumat yang boleh mensabitkan seseorang dengan jenayah, dan juga menggeledah tempat tinggalnya. Seseorang yang mempunyai reputasi penglibatan dalam jenayah menjadikan status tindakan, perbuatan dan hak peribadinya status awam walaupun ia tidak boleh dikesan dari luar (al-Qayrawānī, 1999).

Reputasi penglibatan lokasi tertentu dengan jenayah juga menentukan kesahan tindakan penggeledahan oleh penguatkuasa undang-undang. Pemerintah menurut Ibn Abi Zayd dan Mālik b. Anas, tidak perlu bertindak terhadap maklumat bahawa seseorang telah melanggar undang-undang di dalam batasan rumahnya jika rumah tersebut tidak diketahui umum sebagai satu tempat berlakunya salah laku (al-Qayrawānī, 1999). Begitu juga Mautarrif Abu Mus‘ab al-Madani melarang tindakan



sedemikian walaupun maklumat berkaitan perbuatan salah tersebut disampaikan oleh dua orang saksi yang boleh dipercayai kecuali penghuni terbabit sememangnya dikenal pasti sebagai seorang suspek (al-Qayrawānī, 1999).

Analisis Pencerakinan Pendapat Fuqaha Berkaitan Aplikasi Tatacara Geledah

Analisis pendapat fuqaha berkaitan tatacara geledah membawa penulis kepada aplikasi prinsip yang dikemukakan oleh al-Ghazālī dan kajian yang dibuat oleh beberapa cendekiawan Islam seperti Ṣadīq Reza (2009) untuk membentuk satu rumusan. Larangan menggeledah premis atau diri individu bukan suatu yang mutlak. Beberapa keadaan dikecualikan daripada larangan penggeledahan premis dan diri dirumuskan daripada perbincangan para fuqaha tersebut.

Pihak berkuasa dibenarkan untuk menggeledah sebuah premis atau seseorang apabila jenayah yang dilakukan dalam sesebuah premis tersebar keluar ke pengetahuan orang ramai. Hanya segelintir fuqaha tidak bersetuju dengan pengecualian ini sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Mereka juga berbidangkuasa untuk melaksanakan suatu penggeledahan apabila terdapat bukti-bukti yang menunjukkan salah laku telah berlaku dalam kalangan penghuni premis.

Status seseorang tidak diambil kira untuk menentu sahkan tindakan menggeledah premis atau diri seseorang yang disyaki melakukan jenayah sebagaimana dalam pelaksanaan penangkapan dan penahanan. Rekod jenayah seseorang yang lampau masih tidak cukup untuk membenarkan premis dan dirinya digeledah kecuali terdapat bukti-bukti dan keterangan yang menunjukkan penglibatannya dalam jenayah. Keadaan ini telah dijelaskan dalam dua peristiwa dalam kalangan para *ṣahābah*. Saidinā ʿUmar pernah menahan dirinya daripada mengintip Abu Mihjan al-Thaqafi dan Rabīʿah bin Umaiyyah yang terkenal dengan kaki botol kerana ketiadaan bukti yang kukuh. Demikian juga Ibn Masʿud tidak mengintip Walid bin ʿUqbah walaupun beliau mengetahui tabiat buruk Walid yang suka meminum arak (al-Alwani & DeLorenzo, 1995).

Selain itu, keadaan darurat juga menentusahkan tindakan pihak berkuasa untuk menggeledah. Situasi ini pada pendapat penulis, termasuklah jika ditakuti suspek melarikan diri atau bukti-bukti jenayah dihapuskan atau suspek yang hendak ditangkap enggan menyerahkan diri kepada pihak berkuasa. Semua ini mestilah wujud syak wasangka yang mencukupi atau munasabah untuk bertindak (al-Alwani & DeLorenzo, 1995).

Setiap pengecualian di atas hakikatnya bersandar kepada prinsip kejelasan (*the rule of manifestness*) (Ṣadīq Reza, 2009). Prinsip ini telah diadaptasi oleh para fuqaha secara tidak langsung dalam pelaksanaan tatacara jenayah Islam termasuk tatacara geledah. Prinsip ini menetapkan setiap tindakan terutama untuk menyiasat dan menggeledah tidak dibenarkan kecuali perlakuan jenayah jelas dan nyata telah berlaku.

Al-Ghazālī mengambil kira prinsip kejelasan ini untuk menentukan kesahan penggeledahan yang dilakukan ke atas premis kediaman dan diri seseorang. Pengaplikasian prinsip ini jelas dibincangkan dalam syarat perlakuan jenayah di bawah bidang kuasa *muhtasib*. Antara syarat-syarat tersebut ialah perlakuan hendaklah secara hakikat membentuk satu kesalahan, perlakuan salah itu hendaklah berlaku terang-terangan di hadapan *muhtasib*, perlakuan dikenalpasti oleh *muhtasib* suatu kesalahan tanpa perlu melibatkan ijtihad, *muhtasib* hanya boleh bertindak jika perlakuan salah tersebut sedang berlaku dan salah laku mestilah “jelas kepada *muhtasib* tanpa mengintip” dalam erti kata lain, ia mesti nyata dan jelas. Perbincangan para fuqaha juga meletakkan pengecualian kepada prinsip ini yang membenarkan siasatan dan penggeledahan dilakukan walaupun jenayah terselindung tetapi terdapat bukti-bukti yang mencukupi menunjukkan satu kesalahan jenayah telah berlaku. Ibn Hanbal, al-Ghazali dan al-Mawardī merupakan antara ulama yang menerima prinsip kejelasan untuk campur tangan dalam kesalahan atau perlakuan jenayah berserta dengan pengecualian apabila didapati bukti-bukti kesalahan yang mencukupi.

Segelintir fuqaha pula mencadangkan bahawa pengaplikasian prinsip kejelasan (*the rule of manifestness*) adalah berbeza-beza bergantung pada pihak berkuasa yang terlibat. Contohnya, kuasa siasatan kebiasaannya tertumpu pada pihak pelaksana seperti pihak penguatkuasa undang-undang, pihak polis dan pemerintah berbanding pihak kehakiman. Dengan kata lain, pihak pelaksana dibenarkan mengabaikan larangan tersebut atas dasar keperluan siasatan. Segelintir fuqaha menyatakan mandat yang sama diberikan kepada individu selain daripada pihak berkuasa kerana setiap individu Muslim adalah tertakluk kepada batasan untuk menyiasat yang ditetapkan oleh Allah. Namun, para fuqaha sama ada menyatakan atau tidak menyentuh langsung tentang akibat daripada ketidakpatuhan kepada undang-undang penggeledahan ini.

PENGELEDAHAN DAN SUSPEK KANAK-KANAK

Jelas di sini, pelaksanaan tatacara geledah tidak bersalahan dengan syariat Islam dan tidak mengecualikan suspek kanak-kanak. Namun, *fiqh* Islam tidak mensyariatkan atau memperuntukkan nas-nas yang jelas berkaitan keadaan-keadaan yang membolehkan penggeledahan diri suspek kanak-kanak dilaksanakan. Walau bagaimanapun, undang-undang berkaitan tatacara geledah suspek kanak-kanak boleh dibentuk dan dilaksanakan berlandaskan kepada *maqāṣid shari‘yyah* dan *siyāsah shar‘iyyah*.

Penggubalan undang-undang berkaitan tatacara geledah suspek kanak-kanak dan pelaksanaannya yang diserahkan kepada setiap bidang kuasa jenayah pemerintahan Islam perlu mengambil kira kedudukan kanak-kanak terbabit sebagai individu di bawah umur. Mereka memerlukan satu tatacara yang lebih khusus sebagaimana Islam mengkhususkan tatacara geledah suspek perempuan. Suatu tatacara geledah yang bersesuaian dan seimbang dengan tahap mereka serta kawalan-kawalan yang lebih mengarah kepada keutamaan penjagaan kebajikan kanak-kanak ini perlu difikirkan (Wafaa' Binti Yusof, 2017).



Sebahagian dari undang-undang berkaitan tatacara geledah yang diperuntukkan dalam enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia contohnya, dikuatkuasakan terhadap suspek kanak-kanak dalam kes jenayah syariah. Pegawai penguatkuasa agama atau pegawai polis boleh memasuki premis dan menggeledah sama ada dengan waran ataupun tanpa waran dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang yang hendak ditangkap telah bersembunyi di dalam premis tersebut sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 11, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Sedemikian juga penggeledahan dan pemeriksaan diri seseorang yang ditangkap, boleh dilakukan oleh pegawai penguat kuasa agama atau pegawai polis sama ada dengan waran atau tanpa waran. Pemeriksaan atau penggeledahan diri bukan sahaja boleh dilakukan terhadap orang yang kena tangkap tetapi juga kepada semua orang yang berada di lokasi jenayah terutama jika benda yang hendak dicari adalah daripada jenis yang boleh disembunyikan pada tubuh badan. Menurut seksyen 17, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, pemeriksaan atau penggeledahan diri juga boleh dilakukan dalam usaha mendapatkan alamat dan nama orang yang kena tangkap yang tidak dapat memberi keterangan yang memuaskan disebabkan ketidakupayaan mereka termasuk kanak-kanak. Seksyen 17 ini merupakan peruntukan tunggal yang menyebut istilah kanak-kanak serta menyentuh tatacara terhadap mereka dalam enakmen tatacara jenayah syariah. Dengan kata lain, kesesuaian tatacara yang sedia ada masih menjadi persoalan. Ini disebabkan kanak-kanak dilihat sebagai golongan yang rapuh dan tidak boleh disentuh sewenang-wenangnya walaupun bergelar 'suspek'.

Kewujudan keadaan-keadaan yang mengharuskan pelaksanaan tatacara geledah dalam Islam bukannya bermaksud keharusannya secara mutlak sebagaimana tidak dimaksudkan larangan pelaksanaannya secara total. Malahan beberapa kawalan dan sekatan hendaklah mendasari pelaksanaannya serta jaminan perlindungan daripada penyalahgunaan kuasa. Perkara yang sama boleh diaplikasikan terhadap suspek kanak-kanak dan diberi penekanan yang lebih kepada bentuk kawalan dan sekatan dalam pelaksanaannya. Tatacara geledah yang dilaksanakan dan sekatan-sekatannya yang dikuatkuasakan tidak lengkap tanpa adanya peraturan atau undang-undang yang mengawal selia apa jua bentuk pelanggaran terhadap tatacara ini (Wafaa' Binti Yusof, 2017).

Pengeledahan diri terutamanya, perlulah dilakukan dengan penuh hikmah dan mengambil kira adab kesopanan serta *maqāsid* penggeledahan itu dilakukan. Sejauh mana wujud keperluan untuk dilaksanakan penggeledahan tersebut menjadi keutamaan apatah lagi terhadap kanak-kanak. Contohnya, penguatkuasa undang-undang boleh menggeledah diri suspek kanak-kanak apabila dia enggan untuk bekerjasama dalam usaha mengenal pasti identitinya. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut harus mengambil kira batasan-batasan yang ditetapkan oleh para fuqaha seperti keizinan daripada empunya badan untuk digeledah dan penggeledahan perlu dilakukan oleh jantina yang sama (Wafaa' Binti Yusof, 2017).



Prinsip kejelasan (*the rule of manifestness*) yang dikemukakan oleh al-Ghazali tidak bersalahan untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan tatacara geledah suspek kanak-kanak. Prinsip ini memberi jaminan bahawa penggeledahan diri suspek kanak-kanak tidak boleh dilakukan sembarangan kecuali memang jelas kanak-kanak terbabit memiliki sesuatu yang boleh menyabitkan kepada perlakuan jenayah. Prinsip ini menyediakan satu kawalan dalam penguatkuasaan tatacara ini terhadap kanak-kanak sebagai individu yang dilindungi dan kemaslahatannya menjadi keutamaan.

Kepelbagaian pandangan fuqaha dalam pelaksanaan tatacara geledah pada pandangan penulis, hakikatnya membuka lebih banyak peluang dan ruangan kepada pembentukan undang-undang berkaitan serta penguatkuasaannya terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang (Wafaa' Binti Yusof, 2017). Majoriti para fuqaha menegaskan kedudukan pihak yang melaksanakan penggeledahan premis ataupun diri sewajarnya dilakukan oleh individu yang berbidang kuasa. Keadaan ini dapat mengelak daripada tohmahan, pelanggaran hak individu yang digeledah dan juga penyalahgunaan kuasa lebih-lebih lagi jika ia melibatkan kanak-kanak. Perlindungan dan jaminan yang diberi kepada golongan kanak-kanak ini memastikan tatacara penggeledahan yang dilaksanakan berlaku dengan adil dan bersesuaian dengan tahap mereka. Contohnya, penggeledahan tersebut hendaklah dilakukan dengan lebih sopan dan dilakukan dengan kehadiran individu sejangina.

Kesahihan izin suspek kanak-kanak untuk digeledah perlu diperjelaskan. Para fuqaha tidak membincangkan secara khusus mengenainya. Kanak-kanak ini merupakan individu di bawah umur dan pihak yang berurusan dengannya sewajarnya perlu melalui keizinan daripada kedua-dua ibu bapa atau penjaganya. Walau bagaimanapun, sejauh mana keperluan keizinan ini pada pandangan penulis perlulah dilihat daripada situasi yang berlaku. Penulis melihat keizinan ibu bapa dalam tatacara geledah yang kebiasaannya berlaku tanpa dirancang bukan satu keperluan dan kegagalan memperoleh keizinan ini tidak memberi impak kepada kesahihan pelaksanaan tatacara tersebut. Malahan penguatkuasa undang-undang bertindak di bawah bidang kuasa yang sah untuk menghalang apa jua kemungkaran yang berlaku walaupun terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Para fuqaha bersetuju bahawa tatacara geledah yang dilaksanakan oleh penguatkuasa undang-undang dibenarkan menurut Islam dalam empat keadaan sahaja iaitu apabila dalam keadaan *flagrante delicto*, wujud tanda-tanda yang kukuh bahawa tatacara geledah dapat membongkar kebenaran, apabila satu penangkapan telah berlaku dan apabila mendapat persetujuan individu yang hendak digeledah (Wafaa' Binti Yusof, 2017).

KESIMPULAN

Tatacara geledah suspek kanak-kanak tidak dinyatakan secara khusus dalam sumber utama seperti *al-Qurān*, *ḥadīth* dan *sunnah* Rasulullah. Namun keadaan ini bukannya suatu kekangan yang menghalang dan menafikan keperluan pembentukan serta penguatkuasaan tatacara geledah terhadap suspek kanak-kanak. Prinsip *siyāsah*



shar'iyah mendasari perbincangan para fuqaha dalam isu ini dan membuka ruangan yang lebih fleksibel dalam usaha membentuk undang-undang tatacara geledah terhadap suspek kanak-kanak. Artikel yang melibatkan perbincangan berkaitan tatacara geledah secara umum ini bertujuan untuk menjustifikasikan keperluan tatacara geledah kepada kanak-kanak. Malahan ia menjadi sandaran kepada penegasan penulis bahawa tatacara geledah boleh dikuatkuasakan dan dilaksanakan terhadap golongan bawah umur ini dengan mengambil kira masalah kanak-kanak dan mendahulukan kepentingan mereka.

RUJUKAN

- Alshech, Eli. (2004). "Do not enter houses other than your own": the evolution of the notion of private domestic sphere in early sunni Islamic thought. *Islamic Law and Society*, 11 (3), 2004, 291-332.
- al-Alwani, Taha J. & DeLorenzo, Yusuf Talal. (1995). Rights of the Accused (Part Two). *Arab Law Quarterly*, 10 (3), 238-249.
- al-Bājī, Abī al Waīd Sulaymān Ibn Khalāf. (1999). *al-Muntqā Sharh al Muwattā'*. Juz.5. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 172.
- Cook, Michael. (2000). *Commanding right and forbidding wrong in Islamic thought*. New York: Cambridge University Press, 100.
- al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad. (1997). *Iḥyā' ʿUlūm al-Dīn*. Jil.2. Bayrūt: Dār al-Maʿrifah, 437-515.
- al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad. (1417H). *al-Wāsiṭ fī al-madhḥāb*. al-Qāhīrah: Dār al-Salām, 533.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/34c3e6309b1b2678482571020002e4d8?OpenDocument
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad ibn Muḥammad. (1994). *al Musnad*. Jil.4. Ed.2. Bayrūt: al Maktabah al-Tijārah, 202.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad ibn Muḥammad. (1981). *Masā'il al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*. Bayrūt: al-Maktabah al-Islāmī, 39.
- al-Khallāl, Abī Bakr Aḥmad ibn Muḥammad ibn Harūn. (1974). *al-Amr bi al-ma'rūf wa al-nahy ʿan al-munkar*. Miṣr: Dār Iʿtisām, 32-39.



- Law, Jonathan & A. Martin, Elizabeth. 2009. *A Dictionary of Law*. Oxford: Oxford University Press.
- al-Mawardī, °Abū al-Ḥasan. (1999/1419H). *al-Ḥāwī al-kabīr fī fiqhi madhhābi al-Imām al-Shāfi°ī*. Jil. 17. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah, 378.
- al-Mawṣilī, °Abdullāh bin Mahmūd. (1966). *al-Ikhtiyār li ta°ll al-mukhtār*. Jil.2. Bayrūt: Dār al-Ma°rifah, 166.
- al-Qayrawānī, °Abd Allāh ibn °Abd al-Raḥmān ibn Abī Zayd. (1999). *al-Nawādīr wa al-ziyādat °alā mā fī ghayrihā min al-ummahāt*. Jil. 14. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 316.
- al-Qushayrī, Muslim Ibn al-Ḥajjāj. (2001). *ṣaḥīḥ Muslim*. Jil. 1 & 4. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah, 1987.
- Reza, ṣadīq. (2009). Islam's fourth amendments: search and seizure in islamic doctrine and Muslim practice. *Georgetown Journal of International Law*, 40(3): 703-806.
- al-Shāfi°ī, Muḥammad ibn Idrīs. (1993). *al-Umm*. Jil.6. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah, 255.
- al-Shirāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm ibn °Alī ibn Yūsuf. (1996). *al-Muhadhdhāb*. Jil.2. Bayrūt: Dār al-Qalam. <https://archive.org/stream/muhadhdhab/1#page/n1/mode/1up>. [23 Jun 2015].
- al-°Uthmān, Aḥmad ibn °Abd al-Karīm ibn Muḥammad. (2014). *Taffīsh al-Ashkhāṣ fī Niẓāmī al-°ljlā°iyyat al-Jazā°iyyat*. Jāmi°atu al-Imām Muḥammad ibn Sa°ūd al-Islāmiyyat: al-Mamlakatu al-°Arabiyyatu al-Sa°ūdiyyah. <http://www.justice.lawhome.com/vb/showthread.php?13599>. [8 Februari 2016].
- Wafaa' binti Yusof. (2017). *Tatacara pra perbicaraan jenayah syariah terhadap suspek kanak-kanak: analisis perundangan di Malaysia*. PhD Thesis, Faculty of Law: Universiti Kebangsaan Malaysia.